

LAMPIRAN A

KRITERIA KELULUSAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS)

(a) KEDIAMAN

- (i) Tanah Kerajaan;
- (ii) Membina bangunan separuh kekal sahaja;
- (iii) Tapak tidak terletak di atas simpanan jalan/sungai/parit/tanah rizab;
- (iv) Pemohon tidak memiliki rumah;
- (v) Pemohon berumur 18 tahun ke atas;
- (vi) Pemohon seorang warga negara Malaysia;
- (vii) Satu tapak seorang pemohon sahaja;
- (viii) Satu kegunaan sahaja; dan
- (ix) Mematuhi syarat-syarat atau undang-undang yang berkuatkuasa.

(b) PERNIAGAAN

- (i) Tanah Kerajaan;
- (ii) Membina bangunan separuh kekal sahaja;
- (iii) Tapak tidak terletak di atas simpanan jalan/sungai/parit/tanah rizab;
- (iv) Pemohon berumur 18 tahun ke atas;
- (v) Pemohon seorang warga negara Malaysia/Syarikat berdaftar(Enterprise tidak dibenarkan);
- (vi) Satu tapak seorang/syarikat pemohon sahaja;
- (vii) Satu kegunaan sahaja; dan
- (viii) Mematuhi syarat-syarat atau undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

(c) PERTANIAN

- (i) Tanah Kerajaan;
- (ii) Tapak tidak terletak di atas simpanan jalan/sungai/parit/tanah rizab;
- (iii) Pemohon berumur 18 tahun ke atas;
- (iv) Pemohon seorang warga negara Malaysia/Syarikat berdaftar(Enterprise tidak dibenarkan);
- (v) Satu tapak seorang/syarikat pemohon sahaja;
- (vi) Satu kegunaan sahaja; dan
- (vii) Mematuhi syarat-syarat atau undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

KRITERIA KELULUSAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS)

(d) KEAGAMAAN ATAU KEBAJIKAN

- (i) Tanah Kerajaan;
- (ii) Tapak tidak terletak di atas simpanan jalan/sungai/parit/tanah rizab;
- (iii) Pemohon berumur 18 tahun ke atas;
- (iv) Pemohon seorang warga negara Malaysia/Syarikat berdaftar(Enterprise tidak dibenarkan)/Pertubuhan berdaftar;
- (v) Satu tapak satu orang/syarikat/pertubuhan pemohon sahaja;
- (vi) Satu kegunaan sahaja; dan
- (vii) Mematuhi syarat-syarat atau undang-undang yang sedang berkuatkuasa;

(e) SYARAT-SYARAT SELEPAS KELULUSAN

Pentadbir Tanah boleh atas permohonan pemegang LPS memperbaharui LPS tersebut untuk sesuatu tempoh tidak melebihi 1 tahun (dengan membuat catatan mengeninya serta tarikh tamat tempoh di atas LPS yang sama) dengan syarat LPS tidak boleh diperbaharui lebih dari 3 kali melainkan setelah mendapat kelulusan bertulis PBN terlebih dahulu;

- (i) Tidak boleh digunakan bagi maksud lain daripada apa yang dinyatakan di dalamnya;
- (ii) Tidak boleh dipindahmilik atau dipusakai;
- (iii) Tamat apabila pemegangnya meninggal dunia atau badan tersebut dibubarkan;
- (iv) Boleh dibatalkan pada bila-bila masa tanpa apa-apa pampasan apabila perlanggaran peruntukan yang ditetapkan ke atasnya dilakukan; dan
- (v) Boleh dibatalkan pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh dengan membayar pampasan yang dipersetujui.